

MIC minta kerajaan tetap penanda aras pekerja ladang

BH - 9 MAR 2008

KUALA LUMPUR. Rabu - MIC meminta kerajaan mengadakan satu penanda aras bagi menetapkan tangga gaji penoreh getah dan pekerja ladang kelapa sawit, kata Presidennya, Datuk Seri Samy Vellu, hari ini.

Ini kerana, katanya, meskipun isu gaji hanya membabitkan penoreh getah, parti itu merasakan pekerja ladang kelapa sawit iaitu pemetik buah, juga patut dibayar gaji tetap bulanan.

"Saya ingin meminta Jemaah Menteri khususnya Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, untuk meneliti perkara ini," katanya selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet di sini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, penanda aras itu perlu diadakan walaupun ia tidak se-

mestinya mempunyai aras yang sama.

Beliau berkata, penoreh getah kini memperoleh pendapatan antara RM800 hingga RM1,000 sebulan, manakala pemetik buah menerima antara RM800 hingga RM 1,400 sebulan.

Bagaimanapun, katanya, pendapatan pemetik buah bergantung kepada hasil kutipan iaitu jika hasil kutipan baik, mereka akan dihayar lebih tetapi sebaliknya, mereka akan dibayar gaji rendah jika hasil kutipan sedikit.

Sebelum itu, Samy Vellu berkata, beliau sudah menyerahkan kepada Kabinet laporan terperinci menggariskan cadangan MIC untuk memperbaiki taraf hidup pekerja ladang getah dan kelapa sawit, termasuk melaksanakan sistem gaji bulanan.

Laporan bertajuk: Kajian Pekerja

Ladang ke Alaf Baru, disediakan Yayasan Strategik Sosial untuk MIC.

Jumaat lalu, Persatuan Pengeluaran-pengeluaran Pertanian Tanah Melayu (Mapa) bersetuju secara dasarnya melaksanakan sistem gaji bulanan. Keputusan itu dibuat dua hari selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan Kementerian Sumber Manusia menjalankan kajian mengenainya.

Mengenai penoreh getah yang kehilangan kerja akibat pertukaran ladang getah kepada tanaman kelapa sawit, Samy Vellu berkata, seramai 1,200 terbabit.

"Kami menganggarkan seramai 2,500 hingga 3,000 pekerja lagi yang akan diberhentikan sehingga hujung tahun ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata,

Kementerian Perusahaan Utama perlu menjalankan kajian menyeluruh mengenai kesan ke atas ekonomi selepas pertukaran ladang itu dibuat.

Katanya, Dr Mahathir sendiri merasakan getah masih mempunyai permintaan yang tinggi terutama dalam pengeluaran perabot bagi pasaran antarabangsa.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Fong Chan Onn berkata, kerajaan memandang serius mengenai pemberhentian pekerja ladang disebabkan oleh pertukaran ladang getah kepada tanaman kelapa sawit.

Bagaimanapun katanya, kerajaan mengalami kesukaran untuk menem- patkan mereka yang diberhentikan di tempat lain memandangkan setiap sektor perladangan memerlukan kepakaran tenaga kerja berlainan.

"Mana yang tiada masalah boleh cari kerja di tempat lain tetapi kebanyakan pekerja ladang ini sudah berumur dan tidak mempunyai kemahiran dalam perladangan kelapa sawit," katanya.

Dr Fong berkata, pada 1999 seramai 1,209 pekerja ladang di Kedah diberhentikan apabila 14 pemilik ladang getah menukarkan ladang mereka kepada tanaman kelapa sawit. Daripada jumlah itu 245 di ambil semula bekerja di ladang berkenaan.

Beliau berkata, sebanyak RM5.3 juta pampasan diberikan kepada pekerja yang diberhentikan itu.

Sementara di Johor, katanya, seramai 841 pekerja diberhentikan di 16 estet yang membabitkan pampasan sejumlah RM4.7 juta. Seramai 109 di ambil bekerja semula.